

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2010

**Rabu, 12 Oktober 2011, 8.00 malam
Bayview Hotel, Melaka**

1

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih Pengacara Majlis

Y.Bhg. Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti,

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

2

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail, Penolong Naib
Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai-pegawai Kanan
Universiti, Pengarah-pengarah, Timbalan Dekan

Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Akademik Universiti,

Pihak media, warga UTeM serta Hadirin dan hadirat sekalian,

Serta yang diraikan para penerima Anugerah Akademik Universiti
2010.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya mewakili pengurusan tertinggi merakamkan
ribuan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Datuk Ir.
(Dr.) Haji Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti, atas kesudian bersama-sama dalam Majlis Anugerah
Akademik Universiti 2010. Kehadiran Y.Bhg Datuk telah menambah
seri ke Majlis Anugerah Akademik ini, sekali gus menyemarakkan
usaha berterusan warga akademik untuk mencipta kecemerlangan.

4

KATA ALUAN

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Pertamanya, saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Swt kerana dengan limpah, Kurnia dan Izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama pada Majlis Anugerah Akademik Universiti 2010.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, para tetamu jemputan dan para penerima anugerah atas kesudian melapangkan masa untuk hadir ke majlis ini.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, khususnya Jawatankuasa

5

Penilai Anugerah Akademik UTeM, serta pihak Urus Setia dan Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Akademik pada malam ini atas usaha dan komitmen untuk menjayakan majlis pada malam ini. Syabas dan tahniah kepada Dr. Jariah dan pasukan yang terlibat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

ANUGERAH AKADEMIK UTeM

Era globalisasi telah membawa bersama-sama persaingan baru yang terbuka luas dan telah berperanan mengubah landskap Universiti dengan drastiknya. Hari ini, harapan Negara disandangkan sepenuhnya ke bahu ahli bijak pandai di Universiti untuk membangunkan modal insan Negara. Universiti diberikan tanggungjawab untuk mentransformasikan ekonomi dan keupayaan

6

tenaga kerja Negara. Sesungguhnya, peranan mencabar ini memerlukan pengorbanan serta komitmen yang tinggi.

Justeru, apa yang dihasratkan dalam majlis sebegini adalah untuk terus menyuntik semangat bekerja dengan lebih berfokus dan strategik di kalangan ahli akademik. Malah, melalui anugerah ini juga, kita berharap agar ia terus menerus menjadi pendorong kepada ahli akademik yang lain untuk terus merebut peluang yang sedia ada. Jadikan platform sebegini sebagai peluang bagi pihak universiti mengiktiraf pencapaian dan usaha murni memartabatkan kecintaan ahli akademik kepada ilmu. Oleh itu, saya amat menyokong usaha ini dan sewajarnya malam ini bukan sahaja penerima anugerah, malah saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan terus memanjangkan apa yang disaksikan malam ini kepada rakan- rakan seperjuangan.

7

Majlis Anugerah Akademik Universiti telah diwujudkan sejajar dengan keperluan Negara di Kementerian Pengajian Tinggi, untuk membolehkan ahli akademik mempunyai persekitaran yang kondusif untuk bersaing, bermotivasi serta mendapat sokongan untuk terus menjadi cendekiawan yang terbilang.

Di peringkat pengurusan tertinggi UTeM, majlis ini merupakan pengiktirafan tertinggi dan berprestij yang perlu diadakan setiap tahun bagi menghargai sumbangan dan pencapaian staf akademik yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi serta pengkomersilan.

Untuk tahun ini, 7 kategori Anugerah Akademik Universiti telah diwujudkan merangkumi, iaitu Anugerah Tokoh Akademik UTeM, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi

8

dan Pengkomersilan Produk, Anugerah Penerbitan Jurnal, Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Khas.

Di antara 7 kategori tersebut, Anugerah Tokoh Akademik adalah anugerah yang tertinggi dan dianugerahkan kepada warga Universiti yang telah menunjukkan ketokohan sebagai cendekiawan dan telah mengharumkan nama Universiti kita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ini merupakan anugerah yang bukan mudah untuk disandang dan memerlukan ketekunan dan kekuatan akademik yang jitu. Walau bagaimanapun, untuk tahun ini, anugerah ini tidak dicalonkan kerana belum mempunyai penerima yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Saya berharap pada tahun hadapan, kita akan mempunyai calon yang mampu merebut anugerah ini.

9

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

CABARAN AKADEMIK DAN TRANSFORMASI NEGARA

Suka saya mengingatkan kepada hadirin sekalian akan pesan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Najib Tun Razak yang telah menyatakan hasrat beliau kepada rakyat untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun dan berpendapatan tinggi.

Keadaan ini amat signifikan dengan wujudnya KPI dan sasaran strategik yang telah digubal untuk memastikan sasaran ini tercapai. Beliau menggunakan pendidikan tinggi sebagai kaedah untuk melahirkan modal insan yang mampu menyahut cabaran yang diwar-warkan.

10

Menteri Pengajian Tinggi turut menjelaskan, "bahawa Universiti adalah jantung Bangsa yang berperanan membina tamadun dan kekuatan bangsa". Universiti dituntut untuk memenuhi kehendak dan keperluan sezaman. Justeru, warga Universiti, khususnya ahli akademik perlu mengubah pemikiran mereka agar jelas dengan hasrat kepimpinan tertinggi negara untuk tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian dan kejayaan setakat ini.

Transformasi Pendidikan Tinggi Negara hanya akan berlaku dengan usaha bersama-sama warga akademik ke arah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan meningkatkan keupayaan berinovasi. Ahli akademik perlu melakukan rejuvenasi budaya akademia sebenar, menjadi penggerak minda dan pemangkin perkembangan teknologi negara.

Masyarakat hari ini telah mengalami evolusi pemikiran yang bagus,

11

mereka telah mula menilai dan mengukur akan pencapaian sesebuah Universiti. Malah, *talent* atau bakat cemerlang saudara dan saudari juga menjadi kayu pengukur kepada Modal intelektual dan sumbangannya kepada Negara.

Kita tidak mahu mempunyai ahli akademik yang mewarisi ciri-ciri tradisional dan tidak mahu kepada perubahan. Justeru, platform yang diwujudkan ini bertujuan merangsang agar lebih banyak permohonan untuk mencabar dan mewujudkan persaingan sihat di kalangan ahli akademik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12

SITUASI SEMASA AKADEMIKA di UTeM

Secara keseluruhannya, UTeM telah mengharungi sejarahnya yang tersendiri. Sehingga kini, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di UTeM telah mencecah hampir 8,397 orang. Seajar dengan peningkatan jumlah pelajar ini, Universiti memerlukan rejuvenasi budaya akademia yang cemerlang.

Hal ini memerlukan pendekatan yang lebih proaktif untuk memastikan aspek pembelajaran dan pengajaran di UTeM lebih bersifat inovasi. Kita perlu mengubah konsep pembelajaran dan pengajaran daripada suatu konsep yang bersifat tradisional atau pasif kepada sesuatu yang lebih aktif dan energetik. Hal ini mampu memberikan keunikan kepada konsep pembelajaran di Universiti Teknikal berbanding Universiti Konvensional yang lain.

13

Seiring dengan langkah ini, pengajaran dan pembelajaran perlu berteraskan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), di mana pensyarah berperanan sebagai fasilitator. Atas keperluan ini, para pensyarah bukan sahaja menguasai bidang masing-masing, sebaliknya mereka perlu mempunyai kemahiran SCL seperti Problem Base Learning(PBL), Cooperative Learning(CL) dan lain-lain. Selain itu, aktiviti pembelajaran juga di sokong dengan penggunaan alat bantu pengajaran dan prototaip.

Pihak pengurusan Universiti, sentiasa menyokong kepada usaha para pensyarah untuk mengambil inisiatif untuk melaksanakan pengajaran dalam kaedah yang lebih inovatif dan kreatif.

Hadirin dan hadirat sekalian,

14

Sebagai sebuah Universiti Berfokus, yang matlamat utamanya, menjadi sebuah Universiti yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia. Untuk itu, imej dan konsep terunggul kampus teknikal perlu ditonjolkan. Dalam konteks ini, penyelidikan dan inovasi merupakan suatu yang sangat penting untuk terus kekal relevan.

Hakikat di sini, Ingin saya kongsi bersama. Penyelidikan yang dijalankan di UTeM perlu lebih strategik dan berfokus. Keperluan untuk menjalankan penyelidikan terbentang luas, dengan teknologi dan inovasi yang kompetitif yang perlu diceburi oleh akademik dan peluang ini perlu dimanfaatkan. Sudah sampai masanya untuk memilih prioriti dan merancang penyelidikan yang dilakukan untuk menghasilkan impak yang besar dan signifikan kepada industri dan Negara.

15

Sepanjang tahun 2010, UTeM telah menyaksikan kerancangan aktiviti penyelidikan, di mana Universiti telah mengeluarkan dana sebanyak RM3.21 juta bagi membiayai sebanyak 184 projek penyelidikan jangka pendek manakala Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya iaitu, sebanyak 1.65 juta menerusi 39 projek penyelidikan. Untuk makluman, UTeM juga memperoleh Science Fund dengan sebuah projek bernilai RM163,000 dari MOSTI.

UTeM juga berjaya mendapat geran luar bernilai RM70,000 dari Akademi Pengajian Tinggi (AKEPT) dan UBS Optimus Foundation yang bernilai RM434,130.00.

Setanding dengan pencapaian ini, pelbagai hasil penulisan ilmiah telah terhasil untuk diterbitkan di dalam jurnal dan prosiding

16

antarabangsa di peringkat nasional dan antarabangsa. Jumlah keseluruhan artikel yang direkodkan adalah sebanyak 339 sepanjang tahun 2010.

Di peringkat Inovasi dan pengkomersilan juga kita turut menempa nama.

Seiring dengan hasrat menghasilkan produk penyelidikan dan inovasi yang mampu bersaing di pentas antarabangsa, akademik UTeM telah menyertai pelbagai pertandingan dan expo diperingkat kebangsaan, regional dan antarabangsa.

Beberapa Expo di peringkat nasional dan antarabangsa 2010 telah mengukir nama penyelidik UTeM dengan kejayaan dan mengharumkan nama UTeM, antaranya Expo seperti Malaysian

17

Technology Expo (MTE), ITEX, INNOVA, Brussels dan Seoul International Invention Fair.

Sepanjang tahun 2010 juga, sebanyak 11 produk inovasi telah mendapat perlindungan harta intelek. Kesemua produk yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik UTeM telah menjadi aspirasi kepada penghasilan lebih banyak produk untuk di komersilkan. Mungkin dapat saya sebutkan beberapa produk yang dihasilkan, antaranya A Fire Fighting Vehicle, Microcontroller-based Motorized Walking Aid, MyLexics, Distribution Board Alert System(Dbas), Automatic Motorcycle Rim Adjusting Jig (Auto Myraj) dan banyak lagi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

18

HARAPAN

Apa yang ditonjolkan hari ini merupakan inisiatif anda semua. Universiti telah menyediakan platform untuk anda semua menonjolkan diri masing-masing. Persaingan sihat dengan nilai integriti menjadi teras kepada apa yang kita lakukan untuk kebaikan universiti dan diri sendiri. Saya tidak mampu memantau perkembangan anda semua secara personal, namun dengan cara begini kita sendiri dapat melihat keupayaan dan kreadibiliti anda semua sebagai pensyarah.

Apa yang saya hajatkan bukan kemenangan tersebut dijadikan objektif utama, sebaliknya usaha anda semua untuk melakukan yang terbaik dan menjadi luar biasa dalam konteks akademik. Menang atau kalah bukan bererti kita tidak mencapai kriteria, namun ia merupakan titik kesedaran agar kita berusaha lebih gigih

19

lagi. Bagi yang menang, anggaplah ia satu bonus dan berusaha membantu dan menjadi rujukan untuk mendorong rakan-rakan yang lain.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin berpesan kepada ahli akademik, agar memastikan pencapaian yang dicipta ini memberi impak yang positif kepada Universiti, regional dan antarabangsa. Dalam konteks, kita sebagai sebuah universiti teknikal, saya menyeru agar pencapaian yang kita lakukan perlu mengambil kira kepentingan dan kerjasama industri di sekeliling kita. Jangan disasarkan industri besar sahaja, sebaliknya Kita perlu berkongsi pengetahuan dan maklumat bersama industri kecil & sederhana. Perkara utama yang ingin saya nyatakan, kita perlu meletakkan *benchmark* UTeM sebagai sebuah universiti yang mampu meningkatkan inovasi dan menyumbang kepada negara.

20

Anugerah ini bukan dinobatkan mengikut *seniority* seseorang ahli akademik, sebaliknya ia juga terangkum kepada pensyarah muda yang menepati kriteria yang ditetapkan. Malah, saya dimaklumkan oleh urus setia dalam perbincangan sebelum ini bahawa akan diwujudkan satu lagi anugerah pensyarah muda yang bertujuan menggembeleng tenaga muda untuk turut serta dalam memartabatkan kecemerlangan akademik di UTeM

Akhir kata, Saya yakin penerima anugerah bagi setiap kategori yang akan diumumkan pada malam ini, adalah mereka yang telah menyumbang dan menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing. Jawatankuasa Penilai, sama ada di peringkat fakulti, mahupun di peringkat Universiti, sudah mengambil kira pelbagai aspek semasa membuat penilaian dan bertindak secara rasional dalam proses pemilihan supaya pemenang-pemenang pada malam ini adalah terdiri daripada mereka

21

yang benar-benar terbaik daripada kalangan yang terbaik. Semoga Allah SWT, menganjari dengan sebaik-baik ganjaran buat semua yang terlibat.

SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALAIKUM WBT.

22